

Pusat Kecemerlangan Akademik: *Peer Tutoring* Pembentuk Generasi Cemerlang

^aZuraini M.I., ^bHaslenna H., ^bZainuddin Z. dan ^bTengku Yusoff T.M.

^aFakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan

^bFakulti Pengurusan Perniagaan

Universiti Teknologi MARA Terengganu,

23000 Dungun, Terengganu.

zurainim@tganu.uitm.edu.my, has@tganu.uitm.edu.my, hzainudd@tganu.uitm.edu.my

tgyusoff@tganu.uitm.edu.my

Abstrak: Pusat Kecemerlangan Akademik (PKA) yang ditubuhkan di UiTM Terengganu adalah untuk membantu pelajar-pelajar menangani permasalahan akademik. Dua program utama yang diaturkan ialah Program Mentor-Mentee (PMM) dan juga Program Tutor Muda (PTM). PMM memerlukan penglibatan pensyarah bagi mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar. PTM yang menerapkan konsep *peer tutoring* pula merupakan satu program bagi pembentukan budaya mencari ilmu dan juga budaya kecemerlangan bersama. PTM ini dikendalikan oleh tutor yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang cemerlang bagi menggilap kecemerlangan mereka melalui khidmat sosial dan menunaikan tanggungjawab kepada warga kampus yang memerlukan. Berdasarkan maklumbalas tutor terhadap program PTM ini, didapati terdapat perubahan positif yang mereka alami selepas menyertai PTM. Kertas kerja ini akan membincangkan bagaimana PTM yang dibentuk oleh PKA dapat membantu UiTM Terengganu di dalam membudayakan konsep kecemerlangan dan juga melahirkan generasi ilmu yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik tetapi mempunyai jati diri, berketerampilan dan mampu mewujudkan integrasi sosial yang mampan.

Katakunci: Pusat Kecemerlangan Akademik, Program Tutor Muda, pelajar, cemerlang.

Pengenalan

Usaha bagi melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang tidak hanya bergantung kepada pelajar itu sendiri, keluarga dan latar belakang keluarga dan pendidikan, para pengajar, ataupun institusi mana yang menjadi pilihan pelajar (Kelly, 2003). Namun, sebenarnya kesemua faktor yang dinyatakan adalah saling berkait rapat (Kelly, 2003). Banyak kajian yang dilakukan tentang peranan pelajar di dalam menentukan tahap kecemerlangan diri masing-masing. Kebanyakan daripada kajian tersebut merumuskan bahawa kejayaan pelajar adalah ditentukan oleh sikap pelajar itu sendiri (Bempechat, 1999; Magdol, 1994; Vacha and McLaughlin, 1992). Peranan yang dimainkan oleh para pendidik di sesebuah institusi pendidikan juga turut dibincangkan (Vacha and McLaughlin, 1992). Namun peranan institusi di dalam membentuk pelajar-pelajar cemerlang tidak banyak dibincangkan. Moote dan Wodarski (1997) menyatakan, selain daripada masalah dengan persepsi pensyarah terhadap pelajar, ketidakcukupan kurikulum atau struktur pengajian dan suasana universiti yang negatif boleh menghalang potensi pelajar untuk berjaya.

Pusat Kecemerlangan Akademik (PKA)

UiTM Terengganu telah memperkenalkan PKA dan telah memulakan operasinya pada 15 Februari 2006. PKA berperanan sebagai tempat dimana pelajar-pelajar boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan akademik. PKA mempunyai dua aktiviti utama, iaitu Program Mentor-Mentee (PMM) dan Program Tutor Muda (PTM). Pelajar-pelajar yang lemah dan memerlukan khidmat nasihat daripada pensyarah diletakkan di bawah Program Mentor-Mentee (PMM) manakala pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan akademik dibantu melalui konsep *peer tutoring* di bawah Program Tutor Muda (PTM).

Konsep *Peer Tutoring* dan Pembentukan Pelajar Cemerlang

Konsep *peer tutoring* ini diterapkan sebagai salah satu aktiviti utama PKA. Pelajar yang cemerlang akan membantu rakan-rakan pelajar lain untuk lebih memahami akan sesuatu subjek. Damon dan Phelps (1989) telah mendefinisikan *peer tutoring* sebagai suatu pendekatan di mana seorang kanak-kanak yang dianggap sebagai pakar memberi penerangan kepada kanak-kanak lain yang dianggap sebagai orang yang belum berpengalaman. Di dalam aspek Pusat Pembelajaran, tutor atau seseorang yang mempunyai tahap yang lebih tinggi dikatakan sebagai pakar (Sibert-Faaborg, 2005).

Penglibatan di dalam aktiviti sebegini, pelajar-pelajar sebenarnya secara tidak langsung telah pun menjadi sebahagian daripada warga universiti yang aktif. Kajian yang dilakukan oleh Beder (1997) menunjukkan warga universiti yang aktif biasanya lebih cemerlang. Kemampuan pelajar untuk terlibat di dalam komuniti akademik dan sosial ini ditakrifkan sebagai integrasi sosial (Christie and Dinham, 1991). Kewujudan integrasi sosial di kalangan

pelajar akan mewujudkan satu himpunan keyakinan yang tinggi di kalangan pelajar itu sendiri. Himpunan keyakinan ini dinamakan sebagai identiti budaya (Bennet, 2002).

Universiti sepatutnya berperanan di dalam mewujudkan identiti budaya yang positif di kalangan pelajar melalui aktiviti yang membenarkan penerapan konsep integrasi sosial. Bennet (2002) merumuskan bahawa pelajar yang mempunyai identiti budaya yang tinggi tidak mempunyai masalah yang ketara terhadap prestasi akademik. Namun, bagi pelajar-pelajar yang mempunyai identiti budaya yang rendah, pencapaian akademiknya amat dipengaruhi oleh masalah yang dihadapinya. Pelajar-pelajar ini akhirnya akan mengasingkan diri mereka daripada institusi pengajian. Pengasingan diri ini boleh dilihat apabila pelajar-pelajar kurang berminat untuk terlibat di dalam aktiviti luar dan kurikulum, lebih minat untuk bekerja daripada belajar, dan kurang minat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi (Magdol, 1994).

Dengan itu, kertas kerja ini akan membincangkan akan peranan sesebuah institusi pengajian tinggi, amnya dan UiTM Terengganu, khususnya, di dalam melahirkan para graduan yang cemerlang. UiTM Terengganu telah mengambil satu inisiatif untuk mewujudkan integrasi sosial di kalangan pelajar melalui Pusat Kecemerlangan Akademik (PKA). Satu suasana yang positif telah dibentuk melalui konsep *peer tutoring* ini. Melalui konsep *peer tutoring* ini pelajar-pelajar daripada pelbagai kursus dan bahagian dapat berinteraksi dan saling membantu sesama mereka, terutamanya dari segi pencapaian akademik.

Kaedah Kajian

Kajian ini melibatkan 46 orang pelajar yang telah mendaftar dengan PKA sebagai tutor untuk PTM. Persampelan secara *census* digunakan di dalam proses pengumpulan data. Kajian ini juga menggunakan pendekatan *explorative study* untuk menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan PTM di UiTM Terengganu daripada perspektif tutor itu sendiri.

Kesemua tutor yang terlibat dengan PTM telah dipilih sebagai responden. Borang soal selidik telah diedarkan kepada mereka bagi mendapatkan maklumat mengenai keberkesanan dan kesan yang mereka rasai setelah menyertai PTM. Secara umumnya, borang soal selidik tersebut terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu profil biodata tutor muda, penglibatan di dalam PTM, kefahaman tentang PTM, dan gerak kerja PKA. Kefahaman responden terhadap PTM diukur menggunakan *5-point Likert Scale*.

Setelah semua maklumat daripada borang soal selidik dikumpulkan, ianya diinterpretasikan dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Program for Social Science). Beberapa analisis statistik telah dibuat bagi menganalisa keberkesanan PTM daripada perspektif tutor. Menurut Zikmund (2003), analisis statistik yang selalu digunakan ialah ringkasan data menggunakan analisis kekerapan (*frequency distribution analysis*). Di dalam kajian ini, analisis statistik seperti kekerapan, *crossstab*, ujian *chi-square* dan juga *symmetric measures* telah digunakan bagi tujuan analisa tersebut.

Analisa Soal Selidik: Keberkesanan PTM Daripada Perspektif Tutor Muda

Berdasarkan maklumbalas yang diperolehi daripada responden, analisa menunjukkan peratusan pelajar perempuan yang secara sukarela menjadi tutor adalah lebih tinggi (71.43%) berbanding dengan pelajar lelaki (28.57%). Tutor yang terlibat di dalam PTM kebanyakannya adalah daripada Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) iaitu seramai 16 orang pelajar (34.8%) dan diikuti dengan penglibatan pelajar-pelajar daripada Fakulti Pengurusan Perniagaan seramai 15 orang (32.7%). Penglibatan pelajar-pelajar daripada lain-lain fakulti adalah 32.6%. Jadual 1 menunjukkan ringkasan kekerapan penglibatan pelajar daripada pelbagai fakulti.

Jadual 1: Ringkasan kekerapan penglibatan pelajar daripada pelbagai fakulti di UiTM Terengganu

Fakulti	Kekerapan	Peratusan
Pengurusan Hotel dan pelancongan	16	34.8
Pengurusan Perniagaan	15	32.7
Teknologi Maklumat dan Sains Komputer	6	13.0
Pentadbiran Awam dan Pengajian POLisi	1	2.2
Perakauanan	5	10.8
Kejuruteraan Elektrik	3	6.5
Jumlah	46	100.0

Majoriti pelajar (54.3%) telah mengadakan sesi *tutoring* di antara satu hingga tiga kali. Pelajar yang mengadakan sesi *tutoring* sebanyak empat hingga enam kali ialah seramai 9 orang (19.6%), tujuh hingga sembilan kali ialah 6 orang (13%), manakala lebih daripada 12 kali adalah seramai tiga orang (6.5%). Tiga daripada responden tidak memberi jawapan kepada jumlah sesi *tutoring* yang telah dijalankan.

Kebanyakan tutee juga memohon untuk mendapatkan bantuan akademik daripada tutor yang sama untuk sesi *tutoring* bagi kali yang kedua dan seterusnya. Berdasarkan maklumbalas yang diterima, peratusan kekerapan tutee meminta tutor yang sama untuk membantu mereka adalah tinggi iaitu sebanyak 65.2% dengan permintaan lebih

daripada sekali sesi *tutoring*. Ini bermaksud secara tidak langsung kebanyakan tutor akan terlibat secara aktif di dalam PTM. Mereka juga akan mengadakan sesi *tutoring* lebih daripada sekali di mana 93.5% tutor menyatakan mereka telah pun mengadakan sekurang-kurangnya sekali sesi *tutoring*.

Sebelum menyertai PTM, 26% daripada jumlah tutor merupakan pelajar yang tidak aktif di dalam aktiviti bukan akademik. Hanya 32.6% sahaja merupakan pelajar yang aktif sebelum menyertai PTM. Namun setelah terlibat dengan PTM, peratus pelajar yang aktif meningkat sebanyak 65.2%. Penglibatan ini sebenarnya penting bagi mewujudkan integrasi sosial (Christie and Dinham, 1991) seterusnya membentuk identiti budaya yang positif (Bennet, 2002). Penglibatan pelajar-pelajar di dalam aktiviti sebegini merupakan sebahagian daripada proses melahirkan graduan yang memenuhi 21 ciri model graduan UiTM. Perkembangan ini amat memberangsangkan kerana pihak UiTM bukan sahaja mahukan graduan yang cemerlang di dalam bidang akademik sahaja tetapi berkredibiliti dari segi keterampilan, kepimpinan, toleransi, pengurusan masa, keyakinan diri yang tinggi dan juga mampu berinteraksi dengan orang lain. PTM juga menerapkan nilai-nilai murni seperti memberikan khidmat sosial kepada pelajar-pelajar yang lemah dari segi akademik dan juga dari segi bukan akademik.

Kebanyakan tutor merasakan penglibatan mereka di dalam PTM adalah sangat aktif dan juga aktif. Sebanyak 6.5% daripada pelajar merasakan mereka terlibat secara sangat aktif, manakala 37.0% pula merasakan mereka terlibat secara aktif. Namun, seramai 18 orang pelajar (39.0%) merasakan mereka kurang aktif di dalam PTM. Ini bermakna hampir separuh daripada tutor muda ini merasakan program ini penting bagi mereka dan sanggup melibatkan diri secara aktif.

Melalui penglibatan tutor di dalam PTM, mereka mendapati PTM membantu peningkatan kemahiran tertentu pada diri tutor. Berdasarkan daripada maklumbalas yang diperolehi, kebanyakan pelajar bersetuju bahawa PTM dapat membantu pelajar dari segi kemahiran komunikasi (100%), kemahiran memimpin (36%), meningkatkan keyakinan diri (84.8%) dan meningkatkan kemahiran bersosial (76.1%). Kemahiran-kemahiran yang terbentuk ini merupakan satu perkembangan yang positif yang terbentuk melalui penglibatan pelajar di dalam program *peer tutoring*. Selain daripada meningkatkan perkembangan akademik, *peer tutoring* dapat meningkatkan perkembangan sosial tutor dan tutee (Gartner dan Reissman, 1993). Manakala, Webb (1989) pula menyatakan bahawa kemahiran interpersonal tutor boleh meningkat melalui *peer tutoring*. *Peer tutoring* juga didapati membantu pembentukan motivasi intrinsik yang positif dan peningkatan kemahiran kognitif kepada individu yang terlibat (Damon, 1984; Enright and Axelrod, 1995; Fuchs et al., 1994). Namun, separuh daripada responden tidak pasti samada PTM dapat membantu meningkatkan kemahiran toleransi mereka. Kebanyakan daripada mereka juga bersetuju bahawa PTM tidak membantu meningkatkan kemahiran pengurusan masa dan keterampilan pelajar. Keputusan analisa ini diringkaskan di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Ringkasan persepsi tutor terhadap kemahiran tertentu yang diperolehi setelah menyertai PTM

Pernyataan	Bersetuju	Tidak bersetuju	Jumlah
Kemahiran berkomunikasi	46 (100)	0 (0)	46 (100)
Kemahiran memimpin	36 (78.3)	10 (21.7)	46 (100)
Kemahiran toleransi	23 (50.0)	23 (50.0)	46 (100)
Kemahiran pengurusan masa	22 (47.8)	24 (52.2)	46 (100)
Keyakinan diri	39 (84.8)	7 (15.2)	46 (100)
Berketerampilan	14 (30.4)	32 (69.6)	46 (100)
Kemahiran bersosial	35 (76.1)	11 (23.9)	46 (100)
Lain-lain	6 (13.0)	40 (87.0)	46 (100)

Hubungan di antara penglibatan tutor dan peningkatan kemahiran tertentu, khususnya kemahiran bersosial disokong melalui analisa yang dibuat secara *crossstab*. Jadual 3 menunjukkan bahawa 35 orang tutor muda merasakan bahawa PTM dapat “membantu pelajar meningkatkan kemahiran bersosial”. Daripada 35 orang tutor tersebut, 17 orang adalah mereka yang “Aktif” atau “Sangat Aktif”. Sementara itu, hanya 1 orang tutor yang sangat tidak aktif di dalam program PTM ini.

Ujian “Chi-Square” pula menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan di antara persepsi tutor bahawa PTM dapat “membantu pelajar meningkatkan kemahiran bersosial” dan kadar “keaktifan” mereka di dalam PTM. Ini dapat ditunjukkan oleh nilai kebolehppercayaan “Pearson Chi-Square” sebanyak 0.031 (rujuk Jadual 4). Keputusan ini disokong juga oleh Nilai kebolehppercayaan (Approx. Significant) untuk “Spearman Correlation” yang menunjukkan perhubungan yang signifikan dengan nilai 0.039. Nilai “Spearman Correlation” sebanyak 0.306 menunjukkan kedua-dua perhubungan adalah positif tetapi mempunyai kadar kekuatan yang sangat rendah (rujuk Jadual 5).

Jadual 3: Crosstab antara “PTM dapat membantu pelajar meningkatkan: Kemahiran bersosial” dan “Penglibatan di dalam program tutor muda”

		PTM dapat membantu pelajar meningkatkan : Kemahiran bersosial		Total
		Ya	Tidak	
Penglibatan di dalam program tutor muda	Sangat Aktif	3	0	3
	Aktif	14	3	17
	Kurang Aktif	15	3	18
	Sangat Tidak Aktif	1	4	5
	Tidak Jawab	2	1	3
Total		35	11	46

Jadual 4: Ujian *Chi-Square* antara “PTM dapat membantu pelajar meningkatkan: Kemahiran bersosial” dan kadar “keaktifan” tutor di dalam PTM

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	10.620(a)	4	0.031
Likelihood Ratio	9.720	4	0.045
Linear-by-Linear Association	.159	1	0.690
N of Valid Cases	46		

Jadual 5: Jadual *Symmetric Measures* bagi menunjukkan kekuatan perhubungan antara kedua-dua angkubah iaitu “PTM dapat membantu pelajar meningkatkan: Kemahiran bersosial” dan kadar “keaktifan” tutor di dalam PTM

		Value	Asymp. Std. Error(a)	Approx. T(b)	Approx. Sig.
Interval by Interval	Pearson's R	.059	.162	.395	.695(c)
Ordinal by Ordinal	Spearman Correlation	.306	.142	2.128	.039(c)
N of Valid Cases		46			

Selain daripada kemahiran bersosial, 36 orang tutor juga merasakan bahawa PTM dapat “membantu pelajar meningkatkan kemahiran memimpin”. Jumlah pelajar yang setuju dan sangat setuju dengan kesan positif ini adalah sebanyak 78.26 % daripada keseluruhan 46 orang tutor yang terpilih sebagai responden. Sementara itu, hanya 10 orang tutor sahaja merasakan PTM tidak membantu mereka meningkatkan kemahiran memimpin. Jumlah ini adalah bersamaan dengan 21.73 % (rujuk Jadual 6). Ujian *Chi-Square* memberikan perhubungan yang signifikan antara persepsi tutor bahawa “PTM dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran memimpin” dan kenyataan bahawa “PTM memberikan kebaikan kepada mereka”. Ini dapat ditunjukkan oleh nilai kebolehppercayaan *Pearson Chi-Square* sebanyak 0.012 (rujuk Jadual 7).

Jadual 6: Crosstab antara “PTM dapat membantu pelajar meningkatkan: Kemahiran memimpin” dan “PTM memberi kebaikan kepada pelajar”

		PTM memberi kebaikan kepada pelajar			Total
		Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
PTM dapat membantu pelajar meningkatkan : Kemahiran memimpin	Ya	1	15	20	36
	Tidak	3	5	2	10
Total		4	20	22	46

Jadual 7: Ujian *Chi-Square* antara “PTM dapat membantu pelajar meningkatkan: Kemahiran memimpin” dan “PTM memberi kebaikan kepada pelajar”

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	8.863(a)	2	.012
Likelihood Ratio	7.774	2	.021
Linear-by-Linear Association	7.322	1	.007
N of Valid Cases	46		

Pada pandangan tutor, kebanyakan tutee menghadapi masalah yang lebih kurang sama. Jadual 8 menunjukkan ringkasan permasalahan yang biasa dihadapi oleh tutee pada pandangan tutor. Kebanyakan tutee mempunyai masalah tidak memahami penyampaian pensyarah iaitu sebanyak 71.7%. Masalah lain yang dihadapi adalah masalah malu bertanya (54.3%), pengurusan masa (41.3%), ketidakyakinan (39.1%), bahasa pengantar (bahasa Inggeris) (34.8%), tidak bersemangat (30.4%), jadual waktu (15.2%), masalah ketidakhadiran ke kuliah (10.9%), dan tidak boleh bekerja secara kumpulan (4.3%). Masalah ini ditakuti akan menjadi lebih teruk sekiranya tiada sebarang bantuan yang diberikan kepada pelajar-pelajar ini bukan sahaja dari segi akademiknya malahan pengurusan masa dan juga sikap mereka sendiri.

Jadual 8: Ringkasan kekerapan dan peratusan permasalahan yang biasa dihadapi oleh tutee pada pandangan tutor

Masalah	Kekerapan	Peratusan
Bahasa pengantar (Bahasa Inggeris)	16	34.8
Jadual waktu	7	15.2
Pengurusan masa	19	41.3
Ketidakyakinan	18	39.1
Masalah ketidakhadiran ke kuliah	5	10.9
Tidak memahami penyampaian pensyarah	33	71.7
Malu bertanya	25	54.3
Tidak bersemangat	14	30.4
Tidak boleh bekerja secara berkumpulan	2	4.3
Lain-lain	8	17.4

Selain daripada bersetuju bahawa PTM adalah tempat untuk pelajar mendapat bantuan akademik, para tutor juga sangat bersetuju bahawa PTM dapat memberi ruang kepada pelajar membantu pelajar (63%). Mereka juga sangat bersetuju bahawa PTM membenarkan pelajar berinteraksi sesama pelajar (50%). Majoriti daripada mereka mendapati PTM memberikan kebaikan kepada pelajar-pelajar di UiTMT (92%) dan mereka juga tidak bersetuju bahawa PTM meletakkan mereka dalam keadaan yang berisiko iaitu dari segi prestasi akademik mereka (52%).

Majoriti tutor juga bersetuju bahawa mereka lebih memahami sesuatu subjek setelah membuat *tutoring*. Lebih daripada 80 % mengatakan persetujuan mereka bahawa PTM membantu mereka lebih memahami sesuatu subjek setelah membuat *tutoring*. Ini bermakna lagi banyak sesi *tutoring* dibuat, pemahaman mereka tentang sesuatu topik itu bertambah jelas. Keputusan yang diperolehi selari dengan rumusan yang dinyatakan oleh Dimant and Bearison (1991) dan juga Rogoff (1990). Menurut mereka perbincangan dan interaksi yang terbentuk melalui konsep *peer tutoring* ini, akan menyebabkan seseorang individu itu akan belajar, menerima maklumbalas dan dapat mengumpul lebih banyak maklumat perihal sesuatu perkara. Percanggahan pendapat dan pemahaman yang sedia ada pada seseorang itu dipertingkatkan melalui proses penyusunan semula maklumat yang sedia ada. Akhirnya, akan berlaku peningkatan tahap kefahaman dan pembentukan percambahan ilmu. Interaksi yang berlaku itu bertindak sebenarnya sebagai pemangkin kepada perkembangan kognitif (Ismail and Alexander, 2005).

Tutor juga mengatakan bahawa mereka tidak merasa tertekan setelah menyertai PTM (60.9%) malah dapat meningkatkan prestasi akademik mereka (60.9%). Ini menunjukkan bahawa PTM adalah satu platform kepada pelajar untuk menyumbangkan khidmat dan ilmu kepada pelajar-pelajar lain yang memerlukan bantuan.

Daripada analisa *crosstab* di bawah (rujuk Jadual 9) didapati majoriti pelajar merasa setuju dan sangat setuju bahawa PTM “memberi kebaikan kepada para pelajar”. Seramai 20 orang tutor bersetuju sementara 22 orang lagi sangat bersetuju bahawa PTM memberi kebaikan kepada mereka. Jadual 9 di atas juga menunjukkan bahawa 28 orang tutor merasakan bahawa PTM dapat “meningkatkan prestasi akademik pelajar”. Jumlah pelajar yang setuju dan sangat setuju dengan kesan positif ini adalah sebanyak 60.86 % dari keseluruhan 46 orang tutor yang terpilih sebagai responden. Sementara itu mereka yang tidak pasti dan kurang setuju yang PTM dapat meningkatkan prestasi akademik adalah berjumlah 18 orang atau pun 29.13 %.

Rumusan *crosstab* tersebut diperkuatkan dengan keputusan ujian *Chi-Square* dan *Symmetric Measures*. Ujian *Chi-Square* pula menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan di antara persepsi tutor muda bahawa “PTM dapat meningkatkan prestasi akademik mereka” dan kenyataan bahawa “PTM memberikan kebaikan kepada

mereka”. Ini ditunjukkan oleh nilai keboleh percayaan *Pearson Chi-Square* sebanyak 0.039 (rujuk Jadual 10). Nilai *Pearson's R* dan *Spearman Correlation* di dalam Jadual 11 pula masing-masing adalah sebanyak 0.467 dan 0.451. Ini menunjukkan kedua-dua perhubungan mempunyai kekuatan yang sederhana kuat dan positif. Nilai kebolehpercayaan (*Approx. Significant*) sebanyak 0.001 dan 0.002 juga menunjukkan bahawa kedua-dua angkuabah mempunyai perhubungan yang signifikan.

Jadual 9: Jadual *crosstab* menunjukkan hubungan antara “PTM dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar” dan “PTM memberi kebaikan kepada pelajar”

		PTM memberi kebaikan kepada pelajar			Total
		Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
PTM dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar	Kurang Setuju	1	4	0	5
	Tidak Pasti	3	5	5	13
	Setuju	0	9	10	19
	Sangat Setuju	0	2	7	9
Total		4	20	22	46

Jadual 10: Ujian *Chi-Square* antara “PTM dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar” dan “PTM memberi kebaikan kepada pelajar”

	Value	Df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	13.282	6	0.039
Likelihood Ratio	16.576	6	0.011
Linear-by-Linear Association	9.794	1	0.002
N of Valid Cases	46		

Jadual 11: Jadual *Symmetric Measures* menunjukkan kekuatan perhubungan antara kedua-dua angkuabah iaitu “PTM memberi kebaikan kepada pelajar” dan “peningkatan prestasi akademik pelajar”

		Value	Asymp. Std. Error(a)	Approx. T(b)	Approx. Sig.
Interval by Interval	Pearson's R	0.467	.097	3.499	.001(c)
Ordinal by Ordinal	Spearman Correlation	0.451	.113	3.353	.002(c)
N of Valid Cases		46			

Bilik gerakan PKA juga boleh mempengaruhi keberkesanan PTM. Majoriti tutor iaitu sebanyak 57.14% tutor bersetuju mengenainya. Namun, mereka tidak bersetuju dengan lokasi bilik gerakan PKA (66 %). Mereka merasakan bahawa lokasi bilik tersebut kurang sesuai untuk menarik perhatian pelajar untuk datang ke sana. Ini mungkin disebabkan bilik tersebut agak tersorok dan bukannya berada di laluan utama pelajar-pelajar. Berkenaan dengan keselesaan pula, lebih 68% tutor muda kurang bersetuju yang bilik gerakan PKA tersebut sesuai untuk sesi *tutoring*. Ini berkemungkinan keadaan bilik gerakan tersebut agak kecil terutama apabila terdapat 3 atau 4 sesi *tutoring* dijalankan pada masa yang sama.

Pada pandangan tutor, AJK-AJK pensyarah PKA telah membantu mereka di dalam proses *tutoring*. Ini dapat dilihat dengan jelas daripada peratusan soal-selidik iaitu sebanyak 66% sangat bersetuju dengan pandangan di atas. Ini bermakna AJK-AJK PKA amat komited dengan PTM dan sedaya upaya menolong tutor di dalam menjayakan PTM ini. Walaupun promosi PTM tidak dilakukan dengan baik dan meluas yang mana PTM baru sahaja bermula pada semester Disember 2005 – Mei 2006 ini, namun majoriti tutor berpuas hati dengan sistem PKA pada semester ini.

Secara keseluruhannya, tutor berpendapat PTM perlu diadakan pada setiap semester secara berterusan di UiTMT. Namun terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memantapkan keberkesanan PTM. Antaranya: meluaskan lagi publisiti PTM, menaikkan elaun tutor muda, menyediakan bilik PKA yang lebih besar dan sesuai, menyediakan buku-buku rujukan di bilik PKA, memberitahu lebih awal kepada tutor mengenai sesi *tutoring* dan mengadakan bengkel khas untuk pelaksanaan dan pemantapan PTM. Cadangan penambahbaikan ini juga perlu diberikan perhatian yang sewajarnya supaya dapat memantapkan lagi proses dan pelaksanaan PTM pada semester-semester yang akan datang.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, PTM berkesan untuk membantu meningkatkan pembentukan pelajar yang cemerlang melalui konsep *peer tutoring*. Ini dapat dilihat dengan jelas daripada analisa soal selidik terhadap tutor di dalam kertas kerja ini. Malah, hasil kajian terdahulu mendapati konsep ini dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar dengan lebih berkesan berbanding dengan cara-cara lain seperti mengecilkan saiz kelas, pembelajaran melalui komputer, dan melanjutkan tempoh persekolahan (Levin and Meister, 1986).

Rujukan

- [1] Beder, S., 1997. Addressing the issues of social and academic integration for first year students: A Discussion Paper. <http://ulitibase.rmit.edu.au/Articles/dec97/beder1.htm#Social>
- [2] Bempechat, J. 1999. Achievement and Motivation in Poor and Minority Children. *Brown University Child and Adolescent Behavior Letter* 15(7): 1-2-
- [3] Bennett, S. 2002 Cultural Identity and Academic Achievement among Maori Undergraduate University Students. The Proceedings of the National Maori Graduates of Psychology Symposium, 57-67
- [4] Christie, N. and Dinham, S. 1991. Institutional and External Influences on Social Integration in the Freshman Year. *Journal of Higher Education* 62(4), p. 413.
- Damon, W. (1984) Peer education: The untapped potential. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 5, 331-343. In Ismail, H. N. and Alexander, J. M. (2005) Learning within scripted and nonscripted peer-tutoring sessions: The Malaysian context. *The Journal of Educational Research*. Vol. 99. No. 2: 67-77
- [5] Damon, W. and Phelps, E. 1989. Strategic users of peer learning in children's education. Peer relationship in child development, Edited by T. J. Berndt and G. W. Ladd. New York: John Wiley and Sons, 1989b, 135-157
- [6] Dimant, R. J. and Bearison, D. J. (1991) Development of formal reasoning during successive peer interaction. *Developmental Psychology* 27: 277-284
- [7] Enright, S. and Axelrod, S. (1995) Peer "tutoring": Applied behavior analysis working in the classroom. *School Psychology Quarterly*, 18(1), 29-40. In Ismail, H. N. and Alexander, J. M. (2005) Learning within scripted and nonscripted peer-"tutoring" sessions: The Malaysian context. *The Journal of Educational Research*. Vol. 99. No. 2: 67-77
- [8] Fuchs, L. S., Fuchs, D., Bentz, J., Phillips, N. B. and Hamlett, C. L. (1994) The nature of student interactions during peer "tutoring" with and without prior training and experience. *American Educational Research Journal*, 31(1), 75-103. In Ismail, H. N. and Alexander, J. M. (2005) Learning within scripted and nonscripted peer-"tutoring" sessions: The Malaysian context. *The Journal of Educational Research*. Vol. 99. No. 2: 67-77
- [9] Gartner, A. and Riesmann, F. (1993) Peer "tutoring": Toward a new model, ERIC Clearinghouse on Teaching and Teacher Education, Report No. EDO-SP-93-2. Washington, DC (ERIC Document Reproduction Service No. ED362506). In Ismail, H. N. and Alexander, J. M. (2005) Learning within scripted and nonscripted peer-"tutoring" sessions: The Malaysian context. *The Journal of Educational Research*. Vol. 99. No. 2: 67-77
- [10] Ismail, H. N. and Alexander, J. M. (2005) Learning within scripted and nonscripted peer-"tutoring" sessions: The Malaysian context. *The Journal of Educational Research*. Vol. 99. No. 2: 67-77
- [11] Kelly, P. 2003. The Classroom Teacher's Role in Preventing School Failure. *Kappa Delta Pi Record*
- [12] Levin, H. and Meister, G. 1986. Is CAI cost effective? *Phi Delta Kappan*, 67, 745-749
- [13] Magdol, L. 1994. Risk factors for Adolescent Academic Achievement. University of Wisconsin-Madison Cooperative Extension
- [14] Moote, G. and Wodarski, J. 1997. The Acquisition of Life Skills through Adventure-based Activities and Programs: A Review of the Literature Abstract. *Adolescence* 32(125): 14367
- [15] Rogoff, B. (1990) Apprenticeship in thinking: Cognitive development in social context. New York: Oxford University Press
- [16] Sibert-Faaborg, N., 2005. Learning centre program: Academic support program for at-risk high school students. Intern Project, School Counseling Specialization, Portland State University
- [17] Vacha, E. and McLaughlin, T. 1992. The Social Structural, Family, School, and Personal Characteristics of at Risk-Students: Policy Recommendations for School Personnel. *Journal of Education* 3(3): 9-25
- [18] Webb, N. M. 1989. Peer interaction and learning in small groups. *International Journal of Educational Research*, 13, 21-39
- [19] Zikmund, W. G. 2003. Business research methods. Eds. Ke 4. Orlando: F.L. The Dryden Press